

EDISI
SEPTEMBER 2025

NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



WWW.WADAH.ORG.MY

FORUM INTELEKTUAL DIRAJA 2025: TEKNOLOGI BERJIWA DAN TAMADUN BERMARUAH



ISKANDAR PUTERI, 2 SEPTEMBER 2025

- Naib President WADAH, Prof. Dato' Dr. Mohamad Fauzan Noordin, Timbalan Rektor Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gombak, telah dijemput sebagai panel dalam Forum Intelektual Diraja 2025

bertemakan "Teknologi Berjiwa, Tamadun Bermaruah: Inspirasi Kearifan Islam Dalam Era Inovasi Digital". Program ini telah berlangsung pada 2 September 2025, jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari bertempat di Dewan Utama, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Bangunan Temenggong Ibrahim, Iskandar Puteri, Johor.

MESYUARAT SEKRETARIAT WADAH PUSAT KALI KE-6



: SG MERAB, 4 SEPTEMBER
: 2025 - Mesyuarat Bulanan
: Sekretariat Wadah Pusat bersama
: Setiausaha Agung WADAH, Tuan
: Haji Azizuddin telah diadakan
: di Anjung Rahmat. Mesyuarat
: kali ini lebih memfokuskan
: kepada penyelarasan gerak kerja
: jawatankuasa yang terlibat serta
: persiapan Muktamar Nasional
: (MUKNAS) WADAH yang
: akan dilaksanakan pada bulan
: November 2025.

BICARA MANFAAT MADANI ANJURAN WADAH DAN AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA (AKM)



HULU KLANG, 6 SEPTEMBER 2025 - Program Bicara Manfaat MADANI peringkat Zon 3 dan Zon 4 Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah diadakan di Dewan KRT Taman Permata A, Hulu Klang pada 6 September 2025. Seramai 70 peserta sekitar Taman Permata dan Keramat AU telah hadir ke program ini.

Program anjuran Wadah, Tunas Nahdah Gombak dan AKM dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 3 dan Zon 4 MPAJ, KRT Taman Permata A dan Yayasan EZ Prihatin ini telah dirasmikan

oleh Ybhg Tuan Ts. Haji Hasrolnizam Bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Turut hadir ialah Pn. Rosmayana Abdul Rahim, Ahli Majlis Zon 3, Tn Hj Abdul Aziz Jalal, Ahli Majlis Zon 4, Tuan Hj Mohd Sallehuddin A. Bakar, Pengerusi KRT Taman Permata A, Pn. Fatimah Jusoh, AKM Selangor, Sdr. Muaz Abdullah, CEO Yayasan EZ Prihatin. Wakil WADAH telah dihadiri oleh Sdr. Megat Mohd Azlan, Sdr. Wan Zulkifly dan Sdr. Mustaffa (Tunas Nahdah Gombak).

Di antara pengisian program ialah perkongsian idea, konsep dan manfaat MADANI, Kuiz Kenegaraan AKM @ Kahoot, Taklimat PERKESO dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Program ini turut dimeriahkan dengan pembukaan Kaunter PERKESO, Kaunter Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Kaunter Semakan STR/SARA dan Kaunter Pertukaran Barangan Kitar Semula MPAJ. Program ini juga turut diserikan lagi dengan Edaran Bubur Lambuk Kemerdekaan kepada setiap peserta dan petugas program.

CERAMAH MAULIDUR RASUL: MENSYUKURI KEAMANAN MENELADANI SUNNAH RASULULLAH SAW

PULAU PINANG, 5 SEPTEMBER 2025

– Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah menyampaikan ceramah Maulidur Rasul bertajuk "Mensyukuri Keamanan, Meneladani Sunnah Kerasulan" sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 1447H/2025M yang berlangsung di Dewan Al-Ansar, Masjid Al-Muhajirin, Bandar Seberang Jaya.

Dalam ceramah tersebut, beliau menegaskan bahawa tema sambutan pada tahun ini amat signifikan dalam usaha membangun ummah madani, dengan penekanan kepada dua aspek penting iaitu kesyukuran terhadap nikmat keamanan dan peneladanan sunnah Rasulullah SAW.

Majlis turut menyaksikan penganugerahan Qudwatur Rasul Khas kepada Tuan Haji Mahamad Aziz bin Abdullah, Pengerusi WADAH Pulau Pinang, sebagai pengiktirafan atas sumbangan beliau dalam memperjuangkan dakwah, pendidikan, serta pengukuhan nilai-nilai Islam di negeri ini.



SYARAHAN IDEA MADANI SIRI 5 OLEH PROF. EMERITUS DATUK DR. OSMAN BAKAR

GOMBAK, 6 SEPTEMBER 2025, 8.00 MALAM - Lebih 100 orang telah menghadiri program Syarahan Idea Madani Siri 4 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi, Universiti Awam Malaysia dan Taskforce Pengukuhan Madani. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh Rektor UIAM Kampus Gombak, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar yang bertemakan "Manusia dan Alam Tabii di Kota Nabi: Hāblun Min Al-

'Ālam Al-Ṭabī'ī".

Dalam syarahan tersebut, Prof. Dr. Osman memfokuskan tentang pemeliharaan hubungan manusia dengan alam sekitar yang merupakan salah satu ciri kesempurnaan Madinah Nabi. Selain itu, Prof. Dr. Osman juga ada menerangkan tentang alam tabii sebagai sumber keperluan fizikal seperti sumber makanan, sumber ubat-ubatan, sumber teknologi dan sumber alam pertanian.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA



MESYUARAT SIYASAH DI NEGERI SEMBILAN

SEREMBAN, 7 SEPTEMBER 2025 - Pimpinan WADAH hadir ke mesyuarat Siyasa yang telah diadakan di Seremban, Negeri Sembilan sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh hala tuju dan kefahaman siyasah dalam kalangan warga jemaah.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh beberapa tokoh penting, antaranya YB Senator Dr. Jufitri Johari, Ahli Dewan Negara, serta Yang Dipertua YADIM, Dato' Hassan Baharom. Kehadiran tokoh-tokoh berpengalaman ini telah menyumbang kepada perbincangan yang kritikal dan strategik berkenaan cabaran serta peluang dakwah dan siyasah dalam konteks semasa negara.



PRESIDEN WADAH HADIR KE SEMINAR FIKRAH MADANI: PEMIKIRAN SIDDIQ FADZIL PERINGKAT NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 9 SEPTEMBER 2025 - Seminar Fikrah Madani: Pemikiran Siddiq Fadzil Peringkat Negeri Sabah telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Sa'adah, Wisma MUIS, Kota Kinabalu. Lebih 500 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah, mahasiswa IPT, wakil NGO dan masyarakat umum telah hadir bagi menjayakan seminar bersejarah ini. Majlis perasmian seminar ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi WADAH Negeri Sabah, Tuan Abdul Manap Mahmud.

Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam turut hadir menyampaikan ucap-tama yang memberi penekanan tentang kepentingan membina jiwa merdeka. Dato' Haji Ahmad Azam menegaskan bahawa kemerdekaan sebenar tidak hanya terbatas kepada pembebasan daripada penjajah, tetapi mesti disertai dengan pembebasan minda, spiritual, serta keberanian menolak budaya takut

dan penindasan.

Selain itu, Tuan Haji Amidi bin Dato' Abdul Manan, Pengarah Eksekutif Institut Darul Ehsan (IDE) Research Centre telah menyampaikan pembentangan dalam forum yang menceritakan tentang pemikiran almarhum Ustaz Siddiq Fadzil sebagai tokoh Islam kontemporari yang mempunyai visi besar dalam membangunkan umat.



JOM DAFTAR
 AHLI WADAH



SCAN UNTUK
 SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
 PENCERDASAN UMAT M'SIA

MADANI SOUTH EAST ASIA LEADERSHIP PROGRAM (MSEALP) PHILIPPINES 2025

MANILA, 9-12 SEPTEMBER

2025 - Selepas MSEALP di Kuala Lumpur pada Jun yang lalu, salah satu rakan strategik WADAH, Ummah of Muhammad for Allah Inc (UMMATI) telah menganjurkan program Symposium Anchoring ASEAN-Philippines' Future in Shared Wisdom: Empowering Communities for An Inclusive and Sustainable Civilisation di Tanghalang Pasigueno, Pasig City Hall Complex, Pasig City, Metro Manila. WADAH diketuai oleh Presiden, Dato Ahmad Azam, Setiausaha Agung, Azizuddin, Hj. Megat Azlan (EXCO) dan Datin Nur Azlina Abd Aziz. Program ini adalah siri susulan dari program MADANI SOUTH EAST ASIA LEADERSHIP PROGRAM (MSEALP) ke negara ASEAN bagi mempereratkan hubungan gerakan dan persatuan Islam di rantau ini.



MANILA, 11 SEPTEMBER 2025 - Presiden WADAH, dijemput memberi ucap taja bertajuk "Empowering the Ummah through Knowledge and Unity" dalam kerangka MADANI berdasarkan pengalaman di Malaysia sempena Simposium tersebut. Simposium ini dihadiri dari wakil wakil persatuan Islam dan saudara baru di Manila. Sesi soal-jawab bersama pemimpin masyarakat Islam tempatan dalam rangka menerangkan konsep Madani yang mampu meningkatkan kerjasama umat Islam dalam negara Filipina.



MANILA, 10 SEPTEMBER
2025 - WADAH telah membuat
kunjung hormat kepada
Pengerusi IDCP, Br. Abdul
Rahman Linzag, pejabat
Islamic Da'wah Council of the
Philippines di Binondo Manila.
Di samping mengikat kembali
hubungan, program pada masa
akan datang juga dibincangkan.



USRAH SEKRETARIAT WADAH PUSAT



SG MERAB, 12 SEPTEMBER 2025 - Sesi usrah Sekretariat Wadah Pusat telah diadakan di Bilik Mesyuarat Anjung Rahmat pada 12 September 2025. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Puan Maria Kamel, Exco WADAH dan berlangsung dalam suasana yang harmoni serta penuh pengisian rohani.


Antara agenda utama usrah kali ini ialah tazkirah berdasarkan buku "Apa Ertinya Saya Menganut Agama Islam", kupasan tafsir Surah Al-Masad, serta bacaan Surah Al-Kahfi – 10 ayat awal dan 10 ayat terakhir. Pengisian ini bertujuan untuk memperkukuh kefahaman peserta terhadap nilai-nilai Islam dan mempertingkatkan amalan kerohanian serta dijadikan sebagai muhasabah dalam kalangan warga sekretariat.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA

PERTEMUAN BERSAMA AMIR JAMAAT ISLAMI PAKISTAN DAN TIMBALAN AMIR JAMAAT ISLAMI BANGLADESH



CYBERJAYA, 13 SEPTEMBER 2025 - Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin turut hadir dalam pertemuan rasmi bersama Amir Jamaat -e-Islami Pakistan, Senator Sirajul Haq, serta Timbalan Amir Jamaat-e-Islami Bangladesh, Prof. Mujibur Rahman yang berlangsung baru-baru ini. Pertemuan ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim serta mempererat kerjasama strategik antara gerakan-gerakan Islam serantau dalam usaha memperjuangkan agenda ummah di peringkat antarabangsa.

Pertukaran pandangan mengenai cabaran semasa umat Islam, termasuk isu kemanusiaan, pembangunan dakwah, dan perpaduan dunia Islam turut menjadi fokus perbincangan. WADAH menegaskan komitmen berterusan dalam memperkukuh jaringan antarabangsa demi kelangsungan perjuangan Islam yang inklusif dan berwibawa.

PIMPINAN WADAH HADIR KE MAJLIS PERASMIAN RUMAH HAMKA MALAYSIA

GOMBAK, 14 SEPTEMBER 2025 - Alhamdulillah Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH telah hadir ke Majlis Perasmian Rumah HAMKA Malaysia (RUHAMA) di Taman Berjaya, Batu Caves anjuran Persatuan Cabang Istimewa Muhammadiyah (PCIM) Malaysia.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Bapak Dr. H. Agus Taufiqurrahman, Ketua Pimpinan Pusat Muhammadiyah Republik Indonesia. Rumah HAMKA Malaysia ini akan beroperasi sebagai hab intelektual, sosial dan kemanusiaan yang didedikasikan untuk warisan Buya Prof. Dr. Haji Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). Ia akan berfungsi sebagai pusat pendidikan, aktiviti sosial, penglibatan kemanusiaan, dan pengukuhan hubungan antara Malaysia dan Indonesia.

Ketua PCIM Malaysia Fauzi Fatkhur dalam ucapan beliau menyatakan bahawa "Rumah Hamka adalah simbol persatuan dari berbagai lapisan masyarakat dalam ukhuwah Islamiyah, demi kemaslahatan umat. Keberadaan rumah ini bukti nyata kekuatan kolaborasi semua pihak" ujarnya.

Turut hadir sama Presiden ABIM, wakil Menteri Besar Selangor, wakil Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI), wakil Pimpinan Pusat Muhammadiyah, serta pimpinan dan rakan NGO Islam Indonesia di Malaysia dan dari Malaysia.

Seperti kata Buya Hamka, 'jangan membiasakan melihat perbedaan, tapi selalulah membangun persamaan. Karena dengan persamaan kita bisa membangun persaudaraan.' Semoga Rumah Hamka ini dapat dimanfaatkan demi kepentingan bersama seterusnya memperkukuh persahabatan dan usaha dakwah antara Malaysia dan Indonesia.

JOM DAFTAR
AHLI WADAH



HARI MALAYSIA: PERANAN KELUARGA, SEKOLAH DAN PEMIMPIN DALAM MEMELIHARA KEAMANAN

KUALA LUMPUR, 16 SEPTEMBER 2025 – Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri Harun menegaskan bahawa keamanan merupakan nikmat besar Allah SWT yang tidak boleh dipandang ringan, sebaliknya mesti dijaga dengan penuh tanggungjawab oleh setiap rakyat Malaysia. Beliau menyampaikan pengisian tersebut ketika menjadi panel jemputan dalam slot Assalamualaikum di TV AlHijrah sempena sambutan Hari Malaysia 2025 dengan tajuk "Keamanan: Ujian Minda dan Jiwa".

Istilah keamanan dalam Islam merujuk kepada kedamaian, ketenangan, dan kesejahteraan yang menjadi asas bagi manusia melaksanakan ibadah serta tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi. "Tanpa keamanan, bagaimana kita mahu menunaikan amanah kepada Allah? Bagaimana kita mahu membantu orang lain? Keamanan inilah yang membolehkan kita menghulurkan bantuan kepada Gaza, Syria dan negara-negara lain," ujarnya.





PERTEMUAN SETIAUSAHA AGUNG WADAH BERSAMA KETUA EKSEKUTIF IKHLAS AL-DAIN

SG MERAB, 18 SEPTEMBER 2025 - Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin, telah menerima kunjungan hormat daripada pihak syarikat Ikhlas Al-Dain Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Ikhlas Al-Dain Sdn. Bhd., Tuan Razif Mohar, di pejabat WADAH baru-baru ini.

Kunjungan ini bertujuan untuk memperkenalkan latar belakang WADAH serta membuka ruang bagi menjalin jaringan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak, khususnya dalam aspek kewangan dan perniagaan. Pertemuan ini diharap dapat menjadi titik tolak kepada usaha kolaborasi yang lebih kukuh dan bermanfaat pada masa hadapan.

PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG BENCANA AFGHANISTAN KEPADA NGO OMAI (ORGANIZATION MALAYSIA AFGHANISTAN INITIATIVE)

PUTRAJAYA, 18 SEPTEMBER 2025 - Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Mohamad Hasan, menyampaikan sumbangan AS\$50,000 (RM210,350) daripada Tabung Bencana Kementerian Luar Negeri kepada NGO Organization of Malaysian Afghanistan Initiative (OMAI) untuk membantu mangsa gempa bumi di Afghanistan. Sumbangan ini akan digunakan untuk keperluan seperti makanan, tempat perlindungan, dan bantuan perubatan, termasuk inisiatif "Dapur OMAI" untuk menyediakan makanan panas kepada keluarga yang hilang tempat tinggal. Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam turut hadir bersama menyampaikan sumbangan.



PODCAST NAHDAH 114: “MEMBELA GAZA, MENGECEM ISRAEL: KEBERANIAN MALAYSIA DI SIDANG ARAB-ISLAM”



GOMBAK, 19 SEPTEMBER 2025 - Sesi rakaman Podcast Nahdah Episod 114 yang bertajuk “Membela Gaza, Mengecam Israel: Keberanian Malaysia di Sidang Arab-Islam” telah berlangsung pada 19 September 2025. Podcast ini menampilkan Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH, selaku panel jemputan, manakala sesi dikendalikan oleh Dr. Ahmad El Muhammady, Exco WADAH, sebagai hos.

Sesi ini membincangkan pendirian tegas Malaysia dalam menyuarakan sokongan terhadap Palestin serta mengecam kekejaman rejim Zionis Israel, khususnya dalam konteks Sidang Tergempar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Liga Arab. Podcast ini turut mengetengahkan peranan diplomatik dan kemanusiaan yang dimainkan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa, kepentingan kestabilan negara serta seruan kepada umat Islam untuk terus menyokong perjuangan rakyat Gaza.

“Malaysia ini, kerana suasana yang aman, ramai yang berhajat untuk bermastautin di sini, bukan sahaja dari kalangan umat Islam, tetapi juga bukan Islam. Rakyat Malaysia perlu sentiasa bersyukur kerana dikurniakan nikmat keamanan yang jarang dinikmati oleh banyak negara lain pada hari ini,” tegas Dato' Ahmad Azam, sambil menekankan pentingnya menghargai kestabilan negara dalam suasana konflik global yang semakin membimbangkan.

MAJLIS ISTISYARI WADAH (MIW) 2025



SG RAMAL, 20 SEPTEMBER 2025 - Majlis Intisyari WADAH (MIW) telah berjaya diadakan di Kolej Darul Hikmah. Majlis ini merupakan platform perbincangan dan musyawarah bagi membincangkan isu-isu strategik serta memperkukuh peranan gerakan dakwah dalam mendepani cabaran ummah masa kini.

Majlis telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ustaz Dr. Abdul Halim El Muhammady, tokoh ilmunan yang disegani dan figura penting dalam medan pemikiran Islam kontemporari.

Seramai 30 orang ahli telah hadir, terdiri daripada ahli lantikan MIW, pengerusi Majlis Syura Negeri dan pimpinan WADAH Pusat. Majlis ini bukan sahaja menjadi medan muhasabah dan refleksi terhadap pencapaian lalu, tetapi juga membuka ruang perancangan strategik bagi memperkasa gerakan WADAH dalam jangka masa panjang. Keputusan dan resolusi yang dicapai sepanjang majlis ini dijangka akan menjadi asas penting dalam menyusun langkah-langkah seterusnya demi kemaslahatan umat dan negara.



MAJLIS PERASMIAN BENGKEL DAN PELUNCURAN BUKU AKTIVITI INTERAKTIF PENGHAYATAN AL-QURAN, MAIN, ADAB, SAINS, CERITA "AI-Q-MASC", PENDIDIKAN AL-HIKMAH PRASEKOLAH

SG RAMAL, 20 SEPTEMBER 2025 - Seramai 100 orang telah menghadiri majlis perasmian bengkel dan peluncuran buku Aktiviti Interaktif Penghayatan Al-Quran, Main, Adab, Sains, Cerita "AI-Q-MASC", Pendidikan Al-Hikmah Prasekolah yang berlangsung dengan jayanya di Kolej Dar Al-Hikmah pada 20 September 2025. Majlis ini telah dirasmikan dan disempurnakan oleh Tuan Haji Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH.



MAJLIS PELUNCURAN NAHDAH YOUTH VOLUNTEER ANJURAN PUSAT TUNAS NAHDAH PERMATANG PAUH

PULAU PINANG, 21 SEPTEMBER 2025 - Majlis Peluncuran Nahdah Youth Volunteer telah dianjurkan oleh Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh sebagai sebahagian daripada inisiatif pembangunan kesukarelawanan dalam kalangan belia. Program ini bertujuan untuk membina generasi muda yang prihatin, proaktif dan bersedia menyumbang kepada masyarakat melalui gerak kerja sukarela yang tersusun dan berimpak. Setiausaha Agung WADAH turut hadir menyempurnakan majlis peluncuran tersebut.





MESYUARAT PENYELARASAN MUKTAMAR NASIONAL (MUKNAS 19) KALI PERTAMA DI MASJID AL-MUHAJIRIN, SEBERANG JAYA

SEBERANG JAYA, 22 SEPTEMBER 2025 -

Mesyuarat Penyelaras Muktamar Nasional (MUKNAS 19) kali pertama telah berlangsung dengan jayanya pada 22 September 2025 bertempat di Masjid Al-Muhajirin, Seberang Jaya yang melibatkan ahli jawatankuasa MUKNAS daripada WADAH Pusat dan WADAH Pulau Pinang. Mesyuarat ini bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan dan persiapan awal bagi memastikan kelancaran penganjuran MUKNAS 19. Antara agenda utama yang dibincangkan termasuk pembentangan bajet Muknas, perancangan aktiviti sepanjang karnival MUKNAS, persiapan keseluruhan program, serta pembahagian unit gerak kerja MUKNAS.

USRAH GABUNGAN WAP WILAYAH PERSEKUTUAN



BUKIT BINTANG, 24 SEPTEMBER 2025 - Program Usrah Gabungan WAP Wilayah Persekutuan telah diadakan dengan jayanya di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB) pada 24 September 2025. Program ini menampilkan Presiden WADAH, YBhg. Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman sebagai tetamu istimewa dan penceramah utama.

Dalam usrah yang padat dengan pengisian rohani dan semangat perjuangan, Dato' Hj. Ahmad Azam menekankan: "Gerakan dakwah mestilah kolektif, merentasi sempadan organisasi dan bersatu demi kemaslahatan ummah." Beliau turut berkongsi pengalaman globalnya dalam memperjuangkan isu-isu umat Islam serantau dan mengajak peserta untuk terus istiqamah dalam kerja dakwah.



MESYUARAT ADVOKASI UNDANG-UNDANG JEMAAH

SG MERAB, 26 SEPTEMBER 2025 - Satu Mesyuarat Advokasi Undang-Undang Jemaah telah diadakan pada 26 September 2025 bertempat di Anjung Rahmat. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dr. Hammad Mohamad Dahalan, Exco WADAH, dan turut dihadiri oleh Setiausaha Agung WADAH, beberapa pakar undang-undang, serta peguam-peguam yang berpengalaman dalam bidang berkaitan.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pendekatan advokasi undang-undang yang bersesuaian dengan hala tuju jemaah, serta memperkukuh kefahaman berhubung aspek perundangan yang relevan dalam gerak kerja organisasi. Pelbagai pandangan dan cadangan telah dikemukakan oleh para peserta, khususnya dalam merangka strategi jangka panjang yang berteraskan nilai-nilai syariah dan prinsip keadilan sejagat.



BENGKEL KESIHATAN REPRODUKTIF

ALOR SETAR, 27 SEPTEMBER 2025 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Yayasan Taqwa telah menganjurkan Bengkel Kesihatan Reproduksi di Dewan Dato' Sheikh Azmi Ahmad, Kompleks Pendidikan Al-Hikmah, Alor Setar, Kedah. Seramai 50 orang pelajar berusia 13 hingga 16 tahun telah menyertai bengkel ini yang bertujuan memberi pendedahan awal kepada remaja tentang penjagaan kesihatan reproduktif serta bahaya tingkah laku berisiko dalam kehidupan seharian.

Bengkel dimulakan pada jam 9.00 pagi dengan sesi pertama bertajuk Sybab Tolak Perilaku Seksual yang disampaikan oleh Puan Maria Kamel. Sesi ini menekankan

pembentukan jati diri remaja, keyakinan untuk menolak ajakan ke arah salah laku seksual, serta kepentingan menjaga maruah dan masa depan sebagai generasi pewaris bangsa. Gaya penyampaian yang santai dan mesra menjadikan sesi ini lebih dekat dengan jiwa peserta, yang rata-ratanya aktif bertanya serta berkongsi pandangan.

Program diteruskan dengan sesi kedua bertajuk Kesihatan Reproduksi dan Tingkah Laku Berisiko yang disampaikan oleh Dr. Shahrizal Azwan Samsudin. Beliau menekankan peri pentingnya pengetahuan asas kesihatan reproduktif sebagai panduan membina gaya hidup sihat, di samping memberi amaran tentang risiko penyakit dan kesan negatif akibat pergaulan bebas.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH





PELANTIKAN PRESIDEN WADAH SEBAGAI ANGGOTA SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)

KUALA LUMPUR, 27 SEPTEMBER 2025 - Dato' Ahmad Azam turut diumumkan sebagai Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) bagi penggal 2025–2028. Kenyataan rasmi SUHAKAM pada 27 September 2025 menyenaraikan beliau yang dilantik sebagai Pesuruhjaya baharu dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri di bawah Seksyen 5 Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597]. Anggota ini akan berkhidmat sehingga 19 Ogos 2028.

PROGRAM BIJAK KLIK, JAGA MATA, HATI SEJAHTERA MENDAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

KOTA KINABALU, 27 SEPTEMBER 2025 - Seramai 269 orang peserta telah menghadiri program "Bijak Klik, Jaga Mata: Hati Sejahtera" anjuran SALWA Sabah, Persatuan Sukarelawan dan Kebajikan Wanita Sabah (UKKWA), ABIM Sabah dengan kerjasama Parlimen Sepanggar dan Institut Latihan dan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu.

Program ini telah menampilkan tiga slot utama yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Slot 1: "Klik yang Merosakkan: Realiti Senyap Ancaman Pornografi" yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir (Pakar Keselamatan Siber, Universiti Putra Malaysia & Naib Presiden WADAH PUM), Slot 2: "Strategi Pencegahan dan Kawalan Akses Pornografi" yang disampaikan oleh YBhg. Encik Mohd Zikri bin Zainuddin (Yang Dipertua ABIM Negeri Sabah) dan Slot 3: "Pornografi dan Seks Bebas: Ancaman kepada Keluarga dan Nilai Sosial" yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Asiah binti Hj Bahron (Profesor Kehormat UNISEL & Ketua SALWA ABIM Negeri Sabah).

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh YB Timbalan Menteri Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), YB Mustafa Sakmud yang turut hadir bagi memberikan sokongan terhadap usaha memperkasakan kesedaran digital dalam kalangan pelajar dan belia.



PROGRAM KHIDMAT AKHIR: PENGURUSAN JENAZAH

BANDAR TUN RAZAK, 28 SEPTEMBER 2025

- Program Pengurusan Jenazah telah berjaya dianjurkan pada 28 September 2025 bertempat di Surau al-Hijrah, PPR Taman Mulia. Program ini merupakan anjuran WADAH dengan kerjasama Pusat Tunas Nahdah Wilayah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Surau al-Hijrah, PPR Taman Mulia dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Wilayah.

Seramai 30 orang peserta muslimin telah mengambil bahagian dalam program ini yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat tentang tatacara pengurusan jenazah yang betul mengikut syariat Islam. Antara pengisian program ialah sesi ceramah teori, demonstrasi praktikal serta sesi soal jawab. Program ini memberi peluang kepada para peserta untuk memahami kepentingan ilmu fardu kifayah serta mempertingkatkan kepekaan terhadap keperluan komuniti dalam pengurusan jenazah.



PERBINCANGAN PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG WADAH BERSAMA PIMPINAN PKPIM PUSAT

HULU LANGAT, 28 SEPTEMBER 2025 - Penolong Setiausaha Agung WADAH, En. Khairul Ariffin hadir ke program "Retreat Pimpinan PKPIM Pusat" bagi memberi perkongsian bersama pimpinan PKPIM pusat bertempat di Hulu Langat, Selangor.



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH
PENCERDASAN UMAT M'SIA

PELANTIKAN PRESIDEN WADAH SEBAGAI AHLI JAWATANKUASA ISTISYARI MAJLIS HUKAMA' MUSLIMIN ANTARABANGSA 2025




KUALA LUMPUR, 28 SEPTEMBER 2025 – Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan penuh sukacita merakamkan ucapan tahniah kepada Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, atas pelantikan rasmi sebagai Ahli Jawatankuasa Istisyari Majlis Hukama' Muslimin Antarabangsa Malaysia. Pelantikan ini disahkan melalui surat bertarikh September 2025 yang ditandatangani oleh Musyrif Am Majlis, Datuk Mohd Nakhaie Ahmad.

Majlis Hukama' Muslimin Antarabangsa merupakan sebuah pertubuhan yang menghimpunkan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan Islam antarabangsa dengan matlamat memperjuangkan keamanan dunia, menggalakkan dialog, serta membina kehidupan bersama secara damai dalam kalangan umat Islam dan manusia sejagat. Pelantikan ini merupakan pengiktirafan terhadap sumbangan dan kepimpinan Dato' Ahmad Azam dalam bidang dakwah, masyarakat sivil, serta usaha beliau dalam mempromosikan keamanan dan persefahaman di peringkat global.



MESYUARAT MAJLIS SETIAUSAHA WADAH (MASUWA)

29 SEPTEMBER 2025 - Mesyuarat Majlis Setiausaha WADAH (MASUWA) telah diadakan secara talian menerusi platform Zoom. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad dan dihadiri oleh barisan Setiausaha WADAH Negeri. Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada tiga agenda utama, iaitu pelaksanaan Mukhtar Negeri (MUKRI), perkembangan keahlian WADAH dan persediaan Mukhtar Nasional ke-19 (MUKNAS).



CERAMAH PERDANA "MASYARAKAT MADANI: UKHUWAH ISLAMIAH – PENYEMBUH LUKA PERPADUAN UMAT"

ALOR SETAR, 26 SEPTEMBER 2025 - Ceramah Perdana bertajuk "Masyarakat Madani: Ukuwah Islamiah - Penawar Luka Perpaduan Umat" telah disampaikan oleh Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam di Masjid Al-Arifin, Kompleks Pendidikan ABIM Alor Setar, Kedah sempena Mukhtar WADAH Negeri Kedah. Program ini turut dihadiri oleh para ahli WADAH, aktivis masyarakat, dan warga setempat.



MAJLIS PELUNCURAN TUNAS NAHDAH POKOK SENA

ALOR SETAR, 26 SEPTEMBER 2025 - Setelah selesai ceramah perdana, Presiden WADAH turut menyempurnakan Majlis Peluncuran Tunas Nahdah Pokok Sena di Masjid Al-Arifin. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi WADAH Negeri Kedah, Dr. Amir Nason serta ahli-ahli WADAH negeri Kedah. Peluncuran Tunas Nahdah ini merupakan satu inisiatif strategik bagi memperkukuh penglibatan generasi muda dan masyarakat setempat dalam usaha pembangunan ummah secara holistik.

ZIARAH MAHABBAH PRESIDEN WADAH DI KEDAH



KEDAH, 27 SEPTEMBER 2025 - Dalam kesempatan berprogram di Kedah, Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam telah mengadakan Ziarah Mahabbah ahli-ahli jemaah. Dalam ziarah tersebut, Presiden WADAH telah menyampaikan sumbangan kepada ahli-ahli jemaah serta waris keluarga ahli jemaah yang telah meninggal. Antara yang sempat diziarah ialah keluarga Arwah Ustaz Mohd Khair Ishak, Ustaz Abu Khair (Mudir Am Maahad Islamiah Derang), Ustaz Zakaria, Ustaz Harun di Derang, Ustaz Mustafa (Mantan Imam Masjid Kepala Batas), Cikgu Hj Zain dan Tuan Hj Suhaimi di Jitra. Keluarga Arwah Ustaz Mohd Khair Ishak.

PRESIDEN WADAH HADIR KE MAJLIS PERASMIAN MUKTAMAR WADAH NEGERI KEDAH

ALOR SETAR, 26 SEPTEMBER 2025 - Muktamar WADAH Negeri Kedah telah berlangsung dengan jayanya bertempat di Kompleks Pendidikan ABIM, Alor Setar, Kedah. Muktamar ini telah dirasmikan oleh Presiden WADAH yang turut hadir sebagai tetamu kehormat.



MAJLIS PERASMIAN MUKTAMAR WADAH NEGERI PERAK

IPOH, 27 SEPTEMBER 2025 - Muktamar WADAH Negeri Perak telah berlangsung dengan jayanya pada 26 September 2025 bertempat di Dewan Kuliah Sri Bintang, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Ipoh. Majlis telah dirasmikan oleh En. Halimi Abdul Hamid, Setiausaha Kewangan WADAH Pusat yang mewakili kepimpinan tertinggi WADAH.



MAJLIS PERASMIAN MUKTAMAR WADAH NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU, 30 SEPTEMBER 2025 - Puan Hajah Nordiran Idris, pengerusi SALWA Pusat hadir merasmikan Muktamar WADAH Negeri Terengganu yang telah berlangsung di Jabatan Agama Islam Terengganu (JHEAT).



PROGRAM KOMUNITI ORANG ASLI DI GABAI

PROGRAM Komuniti Orang Asli telah diadakan dengan jayanya di Gabai. Program ini merupakan inisiatif yang memfokuskan kepada pendidikan agama Islam dalam kalangan kanak-kanak Orang Asli, khususnya dalam aspek pengajian al-Quran dan bimbingan solat. Bagi merealisasikan objektif ini, dua orang guru telah ditugaskan untuk mengajar dan membimbing komuniti tersebut secara berterusan. Usaha ini diharap dapat memperkukuhkan kefahaman asas agama serta menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda Orang Asli di kawasan tersebut.



WADAH KUTUK SERANGAN ISRAEL KE ATAS DOHA, QATAR – SOLIDARITI BERSAMA MALAYSIA, PERTAHAN KEDAULATAN DAN PALESTIN

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengesahkan sekiranya serangan udara Israel ke atas Doha, Qatar, yang jelas merupakan tindakan agresif, tidak berperikemanusiaan dan pelanggaran terang-terangan terhadap undang-undang antarabangsa serta kedaulatan sebuah negara berdaulat. Tindakan ini bukan sahaja membahayakan nyawa orang awam, malah menggugat kestabilan rantau Timur Tengah yang sudah sedia rapuh.

WADAH berpandangan bahawa:



1 Tindakan Israel ini adalah provokasi yang mengancam keamanan antarabangsa – dengan menasak Doha, pusat diplomasi dan perdamaian serantau, Israel menunjukkan sikap angkuh yang menolak usaha dialog dan mediasi.

2 WADAH berdiri teguh menyokong kenyataan tegas YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengutuk serangan ini dan menuntut Israel dipertanggungjawabkan di peringkat antarabangsa. Keberanian Malaysia menyuarakan prinsip keadilan adalah contoh kepimpinan moral yang wajar diikuti dunia Islam dan komuniti antarabangsa.

3 WADAH menyeru agar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) mengambil tindakan segera bagi menghentikan kezaliman Israel yang semakin mencabar undang-undang antarabangsa, sekaligus mengelakkan tercetusnya konflik lebih besar di rantau tersebut.

4 WADAH menegaskan bahawa sokongan kepada Palestin tidak boleh dipisahkan daripada insiden ini. Serangan ke atas Qatar adalah sebahagian daripada strategi menekan negara-negara yang konsisten mempertahankan perjuangan Palestin. Justeru, penyelesaian konflik Palestin mesti kekal berasaskan keadilan, pengiktirafan hak asasi rakyat Palestin, serta penubuhan negara Palestin yang merdeka.

5 Solidariti Malaysia–Qatar–Palestin perlu diperkukuh. WADAH mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk terus bersama mendesak keadilan ditegakkan, menolak penjajahan, dan menegaskan keamanan berteraskan maruah serta kedaulatan.

6 WADAH menggesa negara-negara Arab dan dunia

Islam mempertimbangkan langkah tegas dengan mengisytiharkan pemutusan hubungan diplomatik dengan Israel. Tindakan ini penting bagi memberi isyarat jelas bahawa keangkuhan Israel tidak boleh diterima dan akan mendatangkan implikasi politik serta diplomatik yang serius.

WADAH menegaskan bahawa keamanan sejati tidak akan lahir selagi penjajahan, pencerobohan, dan pelanggaran kedaulatan dibenarkan berleluasa. Dunia mesti bersatu menolak keganasan negara Israel yang kini semakin jelas menjadi ancaman global.

*Tuan Haji Azizuddin
Ahmad
Setiausaha Agung
Wadah Pencerdasan Umat
Malaysia (WADAH)*

WADAH SOKONG TEGAS KENYATAAN PERDANA MENTERI DI DOHA

– KUTUK SERANGAN ISRAEL, DESAK TINDAKAN TEGAS DUNIA ISLAM DAN GLOBAL

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyatakan sokongan penuh terhadap kenyataan rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim, di Sidang Kemuncak Kecemasan Arab-Islam yang berlangsung di Doha hari ini.

Dalam ucapannya di Doha, Perdana Menteri dengan tegas mengutuk serangan udara Israel ke atas Doha – tindakan yang beliau sifatkan sebagai “barbarik, tidak berperikemanusiaan dan pencabulan kedaulatan negara berdaulat”. WADAH berpandangan, serangan ini bukan sahaja ancaman kepada Qatar, bahkan serangan kepada seluruh umat dan prinsip keamanan antarabangsa.

KERJASAMA DUNIA

WADAH menegaskan dunia Islam mesti bertindak dengan langkah berikut:

- 1** Memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel secara kolektif.
- 2** Menghentikan segala bentuk perdagangan dan kerjasama dengan rejim Zionis.
- 3** Menyokong misi kemanusiaan, khususnya Global Sumud Flotilla yang turut disertai oleh jaringan WADAH melalui Global Peace Mission (GPM).
- 4** Menggunakan tekanan politik dan ekonomi untuk mendesak pengiktirafan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat.
- 5** Menggerakkan kuasa kolektif negara Arab-Islam untuk memutuskan dagangan dengan Israel serta menghentikan import senjata dari Amerika Syarikat dan Barat.



- 6** Menyegerakan penempatan pasukan tentera pendamai antarabangsa ke Gaza atas nama kemanusiaan demi menghentikan pertumpahan darah.

Solidariti terhadap Palestine adalah merentas negara, bangsa dan agama. Ia adalah isu kemanusiaan dan keamanan sejagat.

Sempena Hari Malaysia 16 September, WADAH mengucapkan Selamat Hari Malaysia kepada seluruh rakyat. Marilah kita bersatu hati mempertahankan kedaulatan negara serta bersolidariti bersama YAB Perdana Menteri dalam perjuangan keamanan Asia Barat dan Palestin.

“Palestin Merdeka, Kedaulatan Dijunjung, Kemanusiaan Dipertahan.”

AZIZUDDIN AHMAD,
Setiausaha Agung,
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia
(WADAH)

HIKAM TOLAK TUDUHAN MALAYSIA SEBAGAI PUSAT OPERASI HAMAS



Firman Allah SWT:

“Dan mengapa kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan (membela) orang-orang yang lemah antara lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berdoa: ‘Ya Tuhan kami! Keluarkanlah kami dari negeri ini yang zalim penduduknya, dan berilah kami pelindung dari sisi-Mu, dan berilah kami penolong dari sisi-Mu.’” (Surah al-Nisa’, 4:75)

Rasulullah SAW ketika di Madinah menandatangani Piagam Madinah yang melindungi hak semua kelompok Muslim, Yahudi dan lain-lain. Baginda menentang kezaliman, tetapi tetap mengiktiraf hak kemanusiaan semua.

Hal ini membuktikan bahawa sokongan Malaysia kepada Palestin adalah berasaskan prinsip rahmah, keadilan dan penentangan terhadap kezaliman, bukan kebencian membuta tuli.

SERUAN KEDUA

HIKAM menegaskan sekali lagi:

- Malaysia bukan pusat operasi Hamas, tetapi pusat solidariti kemanusiaan.
- Tuduhan tersebut hanyalah usaha melemahkan suara lantang Malaysia menentang kezaliman Israel.
- Kami menyeru semua pihak agar terus bersatu, menjaga akhlak dan memperkukuh usaha membela Palestin dengan hikmah dan istiqamah.

“Teguh bersama Palestin, Rahmah untuk Sejagat.”

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)

1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepas Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) dengan penuh tanggungjawab menolak sekeras-kerasnya tuduhan yang dilemparkan oleh Jonathan Schanzer bahawa Malaysia kononnya menjadi pusat operasi Hamas.

Tuduhan ini tidak berasas, berniat jahat dan jelas merupakan sebahagian daripada naratif propaganda Zionis yang ingin melemahkan solidariti rakyat Malaysia bersama Palestin.

HIKAM menyatakan sokongan penuh kepada pendirian YAB Perdana Menteri, Dato’ Seri Anwar Ibrahim (PMX) yang konsisten:

- Mengecam kekejaman Israel yang terus menindas Gaza dan merampas Tebing Barat.
- Menggesa tindakan konkrit antarabangsa termasuk memutuskan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan rejim Zionis.
- HIKAM menegaskan, pendirian ini bukan soal parti atau politik domestik, tetapi soal kemanusiaan dan prinsip Islam sejagat.

SERUAN HIKAM

Kepada rakyat Malaysia, HIKAM menyeru:

- eruskan solidariti rakyat melalui doa, sumbangan, kempen kesedaran dan program advokasi yang berterusan.
- Elakkan sikap kebencian melampau terhadap bangsa atau agama lain. Islam mengajar kita menentang kezaliman, bukan menzalimi.
- Amalkan rahmah dalam perjuangan, iaitu kasih sayang kepada manusia, ketegasan terhadap kezaliman dan keadilan kepada semua pihak.

SEKRETARIAT HIKAM

AZIZUDDIN AHMAD
Setiausaha Agung WADAH

MOHD HAFIZ ABD HAMID
Setiausaha Agung IKRAM

MUHAMMAD ALIEMRAN NORASID
Setiausaha Agung ABIM

MOHD SABBRI MD YUDIN
Setiausaha Agung HALUAN



BENGKEL LATIHAN DAKWAH DAN KEPIMPINAN WANITA MADANI

SALWA dengan kerjasama YADIM dan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) telah menganjurkan Bengkel Latihan untuk petugas dakwah, bertempat di Anjung Rahmat pada 06 – 07 September 2025. Seramai 60 orang peserta telah hadir.

Penceramah yang dijemput adalah Tuan Ahmad Shukri bin Hj Adnan (AKM), ASP Fauzi Malek (PDRM), Puan Normah Sulaiman dan Dr Kamar Oniah Kamaruddin.



Seminar Inspirasi Keluarga Madani: **Terapi Minda Sihat, Wanita Hebat**

23 September 2025 (Selasa)

BERTEMPAT di Dewan Kuliah 6, UiTM Cawangan Perlis. Seminar ini telah di rasmikan oleh YBrs. Prof. Madya Dr Ahmad Nizan bin Mohd Nor. Rektor UiTM Perlis.

Seminar anjuran SALWA Negeri Perlis dengan kerjasama PEWANI UiTM Cawangan Perlis, YADIM Negeri Kedah dan Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) dan LPPKN Perlis.

Seminar dihadiri seramai 165 orang. Penceramah yang dijemput adalah Pensyarah Kanan Pusat Psikologi UUM, Puan Sabasiah Husin, Dr. Nur Fatin Nabilah Shahrom (UiTM Arau) dan Puan Badrizawati Mohamad Zaki (LPPKN).



Seminar Sekeluarga Tolak Pornografi (SToP)

30 September 2025

SALWA Terengganu dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan UNISZA telah berjaya menganjurkan SToP pada 30 September 2025.

Seminar diadakan di Dewan Auditorium JHEAT, Kuala Terengganu dengan kehadiran peserta seramai 250 orang.

Seminar dirasmikan oleh Pengerusi SALWA, Puan Nordiran Idris. Penceramah jemputan adalah Inspektor Nur Aliya Batrisya (PDRM), Tuan Kamarul Azami Mohd Zaini (Panel SToP) dan Dr. Nor Salimah Abu Mansor (UNISZA).

